

PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) 2020 JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

1. Jabatan Penerangan Malaysia akan menganjurkan program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2020 Jabatan Penerangan Malaysia.
2. Program ini merupakan sebuah pertandingan yang diadakan sebagai salah sebuah slot di dalam program inovasi Jabatan Penerangan Malaysia. Terdapat tujuh (7) kategori anugerah yang disenaraikan bagi pertandingan ini iaitu:
 - Inovasi Baharu Terbaik
 - Penambahbaikan Inovasi Terbaik
 - Pembentangan Terbaik
 - Transformasi Norma Baharu Terbaik
 - Teknologi Digital Terbaik
 - Anugerah Khas Ketua Pengarah
 - Anugerah Utama KIK 2020
3. Tarikh tutup pendaftaran melalui penghantaran borang penyertaan adalah pada **9 Oktober 2020 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengah hari.**
4. Penghantaran borang yang telah lengkap perlu dibuat melalui e-mel di alamat anugerahinovasi@inform.gov.my.

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) 2020
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA**

1) Sila tandakan () bagi kategori yang dipilih.

Jabatan Penerangan Negeri	<input type="checkbox"/>
Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Malaysia	<input type="checkbox"/>
Pegawai Perhubungan Awam (WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya sahaja)	<input type="checkbox"/>

2) Sila nyatakan agensi/negeri/bahagian/sector yang diwakili.

--

3) Sila isikan tempat kosong.

LATAR BELAKANG KUMPULAN	
Nama Kumpulan	
Nama Ketua Kumpulan	
Jawatan dan Gred	
Lokasi Pejabat	
No. Telefon (Pejabat)	
(Telefon Bimbit)	
E-mel	
Tarikh Kumpulan Ditubuhkan	
Nama Projek	
PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK DIHUBUNGI	
Nama Pegawai	
Jawatan	
No. Telefon (Pejabat)	
(Telefon Bimbit)	
E-mel	

MAKLUMAT AHLI 1	
Nama Pegawai	
Jawatan	
No. Telefon (Pejabat)	
(Telefon Bimbit)	
E-mel	
MAKLUMAT AHLI 2	
Nama Pegawai	
Jawatan	
No. Telefon (Pejabat)	
(Telefon Bimbit)	
E-mel	
MAKLUMAT AHLI 3	
Nama Pegawai	
Jawatan	
No. Telefon (Pejabat)	
(Telefon Bimbit)	
E-mel	
MAKLUMAT AHLI 4	
Nama Pegawai	
Jawatan	
No. Telefon (Pejabat)	
(Telefon Bimbit)	
E-mel	
PERAKUAN KETUA KUMPULAN	
<p>Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan sebarang pemalsuan maklumat boleh menyebabkan pembatalan pasukan saya dari menyertai Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2020 Jabatan Penerangan Malaysia.</p>	
<p>Tandatangan Ketua Kumpulan</p> <p>.....</p>	<p>Tarikh</p> <p>.....</p>

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan untuk menyertai Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2020 Jabatan Penerangan Malaysia.

Tandatangan Ketua Jabatan

Cop Rasmi Kementerian/
Jabatan/Agensi

.....
Nama Ketua Jabatan :

Jawatan :

Tarikh :

RINGKASAN PROJEK (100 – 200 patah perkataan)

Nota: Sila sediakan lampiran sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.

LAMPIRAN A2

PANDUAN PENYERTAAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) 2020 JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

1.1 Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2020 Jabatan Penerangan Malaysia merupakan sebuah pertandingan yang diadakan sebagai salah sebuah slot di dalam program inovasi Jabatan Penerangan Malaysia. Terdapat tujuh (7) kategori anugerah yang disenaraikan bagi pertandingan ini iaitu:

- 1.1.1 Inovasi Baharu Terbaik
- 1.1.2 Penambahbaikan Inovasi Terbaik
- 1.1.3 Pembentangan Terbaik
- 1.1.4 Transformasi Norma Baharu Terbaik
- 1.1.5 Teknologi Digital Terbaik
- 1.1.6 Anugerah Khas Ketua Pengarah
- 1.1.7 Anugerah Utama KIK 2020

1.2 Tema utama pertandingan pada tahun ini adalah “**Inovasi dalam Kempen Kesedaran Menangani COVID-19 dan Pembudayaan Norma Baharu**”.

2. SYARAT UMUM

2.1. Penyertaan bagi anugerah adalah terbuka kepada semua warga Jabatan Penerangan Malaysia yang telah berkhidmat **sekurang-kurangnya satu tahun**.

2.2. Pegawai/kakitangan yang pernah **dikenakan tindakan tatatertib** dalam tempoh **satu tahun** dari tahun semasa ataupun **masih menjalani hukuman tatatertib** adalah **tidak layak** menyertai pertandingan ini.

2.3. Setiap penyertaan perlu **mengikut kuota penyertaan** yang ditetapkan dan penilaian akan dibuat secara pembentangan di hadapan panel hakim yang dilantik pada satu tarikh dan lokasi pembentangan yang ditetapkan.

2.4. Kuota penyertaan yang telah ditetapkan adalah seperti di jadual A.

No.	Kategori Penyertaan	Had Kuota
1.	Jabatan Penerangan Negeri	1 penyertaan bagi setiap negeri
2.	Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Malaysia	1 penyertaan bagi Ibu Pejabat
3.	Pegawai Perhubungan Awam bagi WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya (PPA)	2 penyertaan terawal bagi PPA

Jadual A - Kuota Penyertaan

2.5. Had minimum keahlian bagi setiap pasukan adalah sebanyak tiga (3) orang dan had maksima adalah seramai lima (5) orang.

2.6. Bagi pasukan yang mewakili Jabatan Penerangan Negeri dan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Malaysia, ahli pasukan boleh terdiri dari kalangan mana-mana kakitangan yang berkhidmat di dalam negeri ataupun Ibu Pejabat yang sama.

2.7. Bagaimanapun, setiap kumpulan boleh mengambil satu (1) orang ahli dari kalangan warga kakitangan Jabatan Penerangan Malaysia yang bertugas di luar kawasan yang diwakili oleh kumpulan tersebut.

2.8. Bagi pasukan yang mewakili PPA, ahli pasukan boleh terdiri daripada mana-mana pegawai yang sedang berkhidmat sebagai pegawai perhubungan awam yang berkhidmat di mana-mana agensi persekutuan di dalam kawasan WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya.

2.9. Pihak urus setia pertandingan berhak untuk melaksanakan saringan penyertaan, membatalkan penyertaan atau mengumumkan bahawa tiada penyertaan bagi sesuatu kategori penyertaan sekiranya didapati tiada pasukan yang mewakili sesuatu kategori penyertaan itu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

2.10. Pihak urus setia pertandingan berhak untuk mengumumkan bahawa tiada pasukan yang layak diumumkan sebagai pemenang sekiranya didapati tiada pasukan yang memenuhi kriteria penilaian yang ditetapkan bagi sesuatu kategori anugerah itu.

2.11. Hak cipta projek akan **dimiliki sepenuhnya** oleh Jabatan Penerangan Malaysia.

3. TANGGUNGJAWAB PASUKAN

- 3.1. Setiap pasukan diwajibkan untuk mengisi borang penyertaan bagi tujuan pendaftaran.
- 3.2. Setiap penyertaan perlu menggunakan borang penyertaan (**Borang KIK JaPen 2020**) yang dikeluarkan oleh **Cawangan Peningkatan Kualiti dan Inovasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Jabatan Penerangan Malaysia** seperti yang dilampirkan di **Lampiran 1**.
- 3.3. Borang penyertaan yang diisi perlu disahkan oleh ketua Jabatan. Ini bagi memastikan hanya penyertaan yang benar-benar berpotensi akan dihantar untuk dinilai dan dipertandingkan. Untuk rujukan pengesahan ketua jabatan, sila rujuk jadual B.

No.	Kategori Penyertaan	Ketua Jabatan
1.	Jabatan Penerangan Negeri	Pengarah Penerangan Negeri
2.	Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Malaysia	Pengarah Sektor Pengurusan
3.	Pegawai Perhubungan Awam bagi WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya (PRO)	Ketua Unit Komunikasi Korporat bagi mana-mana salah satu ahli pasukan atau setaraf.

Jadual B - Takrifan Ketua Jabatan

- 3.4. Ketua Jabatan dan pihak urus setia berhak untuk melaksanakan saringan awal sekiranya jumlah penyertaan yang diterima melebihi kuota yang ditetapkan.
- 3.5. Tarikh tutup pendaftaran melalui penghantaran borang penyertaan adalah pada **9 Oktober 2020 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari**. Penghantaran borang yang telah lengkap perlu dibuat melalui e-mel di alamat **anugerahinovasi@inform.gov.my**.
- 3.6. **Kesemua ahli pasukan** diwajibkan untuk mengikuti kursus **Pemantapan Budaya Inovasi Dan Kumpulan Inovatif Kreatif (Kod Kursus EZA0011)** sumbangan MAMPU secara penuh (8 jam tempoh kursus) yang ditawarkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan boleh diakses melalui sistem e-Pembelajaran Sektor Awam (ePSA) di pautan **www.epsa.gov.my** sebelum **30 Oktober 2020**.

- 3.7. Sijil penyertaan kursus tersebut perlu dicetak dan dilampirkan sebagai dokumen sokongan bersama-sama dengan borang penyertaan.
- 3.8. Pendaftaran penyertaan setiap pasukan hanya akan disahkan melalui penghantaran dokumen iringan iaitu **slaid pembentangan** dan dokumen-dokumen sokongan lain **termasuk sijil penyertaan kursus** Pemantapan Budaya Inovasi Dan Kumpulan Inovatif Kreatif (Kod Kursus EZA0011) setiap ahli pasukan. Tarikh tutup untuk menghantar dokumen iringan adalah pada **30 Oktober 2020 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari**. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pendaftaran pasukan tersebut **terbatal** dengan sendirinya.
- 3.9. Untuk slaid pembentangan projek, adalah dimaklumkan bahawa pihak urus setia **hanya** akan menggunakan slaid pembentangan yang telah **dihantar pada tarikh tutup penyertaan sahaja**.
- 3.10. Sebarang tindakan penambahbaikan atau pengemaskinian bagi slaid pembentangan selepas dari tarikh tutup penyertaan adalah **tidak dibenarkan** dan boleh menyebabkan penyertaan pasukan tersebut terbatal.
- 3.11. Permohonan yang tidak lengkap atau melepasi tarikh tutup yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan** oleh pihak urus setia.
- 3.12. Sila pastikan bukti penerimaan penghantaran direkod oleh pihak urus setia dan wakil pasukan ketika penghantaran borang penyertaan dan dokumen iringan dilakukan.
- 3.13. **Pengumuman peserta akhir** yang telah melepasi proses saringan dan terpilih untuk melakukan pembentangan projek di Konvensyen KIK 2020 Jabatan Penerangan Malaysia akan diumumkan pada **3 November 2020** melalui e-mel kepada ketua kumpulan dan paparan di laman web rasmi Jabatan Penerangan Malaysia.

4. PROSES PENILAIAN

- 3.1. Pencalonan penyertaan boleh dibuat bagi mana-mana usaha, projek, proses kerja, pembangunan aplikasi atau kaedah-kaedah yang **baru diperkenalkan, ataupun yang ditambahbaik** bagi memberikan impak yang lebih berkesan dalam menjalankan fungsi-fungsi jabatan.
- 3.2. Projek yang dicalonkan boleh terdiri daripada kertas konsep cadangan bagi produk yang ingin dilaksanakan, namun belum dilaksanakan, atau projek yang telah dilaksanakan.
- 3.3. Setiap kumpulan **diwajibkan** untuk menyediakan **satu slaid dalam format *Microsoft Powerpoint* mengenai projek atau produk** yang dihasilkan melalui inisiatif inovasi tersebut dan **diwajibkan** mengandungi butiran-butiran penting yang berikut:
 - 3.3.1. Pengenalan kumpulan.
 - 3.3.2. Ringkasan projek.
 - 3.3.3. Pernyataan masalah (*Problem Statement*).
 - 3.3.4. Carta alir pelaksanaan projek.
 - 3.3.5. Kaedah pembangunan.
 - 3.3.6. Strategi pelaksanaan.
 - 3.3.7. Implikasi Kewangan.
 - 3.3.8. Elemen digitalisasi atau penggunaan teknologi digital.
 - 3.3.9. Penerapan budaya norma baharu.
 - 3.3.10. Impak positif pelaksanaan.
 - 3.3.11. Data / statistik sokongan ke atas impak pelaksanaan.
 - 3.3.12. Cadangan penambahbaikkkan.
 - 3.3.13. Strategi pengembangan projek.
 - 3.3.14. Gambar atau imej berkaitan pelaksanaan projek.
 - 3.3.15. Penutup.
- 3.4. Hanya penyertaan yang **memenuhi syarat pertandingan** sahaja akan diserahkan kepada panel-panel penilai yang dilantik untuk dibuat penilaian.

- 3.5. Projek yang dipertandingkan **mestilah tidak pernah dipertandingkan atau memenangi mana-mana pertandingan** berbentuk inovasi atau KIK yang dijalankan oleh mana-mana pihak sebelum ini.
- 3.6. Proses penilaian dan pemarkahan akan dilaksanakan berdasarkan **kriteria yang dinyatakan** dalam setiap anugerah yang dipertandingkan secara terus melalui satu sesi pembentangan.
- 3.7. Setiap pasukan yang bertanding akan diberi peruntukan masa **selama 15 minit untuk menjalankan sesi pembentangan, dan 5 minit untuk sesi soal jawab** bersama panel hakim mengenai projek yang dipertandingkan.
- 3.8. Setiap pasukan yang bertanding akan disediakan ruang pameran di sebuah lokasi yang ditetapkan. Ruang pameran tersebut mestilah dimanfaatkan oleh setiap pasukan untuk **berinteraksi dengan warga jabatan atau pengunjung** mengenai projek yang dipertandingkan.
- 3.9. Penyediaan pameran turut dimasukkan ke dalam kriteria penilaian bagi setiap pasukan. Struktur asas pameran akan disediakan oleh pihak urus setia.
- 3.10. Keputusan panel hakim akan diangkat kepada Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia untuk kelulusan dan pengesahan.
- 3.11. Urus setia boleh menukar mana-mana syarat pertandingan mengikut keperluan dan tanpa persetujuan awal daripada mana-mana pasukan terlebih dahulu, mengikut kesesuaian dan arahan semasa.
- 3.12. **Keputusan panel hakim adalah muktamad** dan sebarang bantahan tidak akan dilayan oleh pihak urus setia.

5. PERUNTUKAN

- 4.1. Peruntukan untuk penyediaan bahan pameran, jumlah maksimum sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) adalah diperuntukkan untuk setiap pasukan.
- 4.2. Penyediaan peruntukan adalah secara nilai tempahan bagi **bahan pameran bercetak** berkaitan dengan projek yang dilaksanakan sahaja (contohnya gegantung) dan bukan pemberian tunai kepada setiap pasukan.
- 4.3. Peruntukan bagi kesemua pasukan adalah di bawah tanggungan urus setia pertandingan.
- 4.4. Pihak urus setia pertandingan bertindak untuk menyelaras bahan-bahan pameran yang akan dicetak berdasarkan input yang disediakan sendiri oleh kesemua pasukan yang bertanding. Kegagalan untuk menyediakan input sebelum tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan bahan pameran bercetak bagi pasukan tersebut tidak dapat disediakan.
- 4.5. Kesemua input bahan pameran bercetak yang diperlukan untuk pameran **perlu dihantar** kepada urus setia pertandingan dalam format yang sesuai dan berkualiti tinggi **sebelum 30 Oktober 2020**.

6. KATEGORI ANUGERAH DAN FORMAT PENILAIAN

6.1 Inovasi Baharu Terbaik

- 6.1.1 Produk inovasi baharu yang tidak pernah dilaksanakan atau digunakan.

6.2 Penambahbaikan Inovasi Terbaik

- 6.2.1 Produk inovasi yang ditambah baik dari produk sedia ada dengan penambahan elemen-elemen kreatif dan inovatif yang meningkatkan impak positif pelaksanaannya.

6.3 Pembentangan Terbaik

- 6.3.1 Memberi fokus kepada elemen kelancaran proses pembentangan, kelengkapan data sokongan, kebolehan menjawab soalan panel hakim dan penyediaan dokumentasi yang tersusun dan lengkap.

6.4 Transformasi Norma Baharu Terbaik

6.4.1 Penilaian akan dibuat dari sudut penerapan budaya norma baharu pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam ke atas produk yang dipertandingkan termasuk elemen transformasi yang terlibat.

6.5 Teknologi Digital Terbaik

6.5.1 Mengambil kira penggunaan teknologi digital atau pelaksanaan transformasi melalui proses pendigitalan ke atas produk yang dipertandingkan.

6.6 Anugerah Khas Ketua Pengarah

6.6.1 Memberi peluang kepada mana-mana pasukan yang mampu menonjolkan elemen “*wow factor*” bagi produk yang dipertandingkan, kaedah pemikiran dan pelaksanaan yang kreatif dan di luar kotak pemikiran serta memberi impak pelaksanaan yang besar ke atas Jabatan Penerangan Malaysia.

6.7 Anugerah Utama KIK 2020

6.7.1 Pemenang akan dipilih dari kalangan kesemua pemenang tempat pertama atau “*The Best of The Best*” bagi anugerah berikut;

6.7.1.1 Inovasi Baharu Terbaik

6.7.1.2 Penambahbaikan Inovasi Terbaik

6.7.1.3 Pembentangan Terbaik

6.7.1.4 Transformasi Norma Baharu Terbaik

6.7.1.5 Teknologi Digital Terbaik

6.7.2 Pemenang akan dipilih daripada pasukan yang memperolehi markah keseluruhan tertinggi dengan elemen markah bonus tambahan yang diperolehi dari penilaian tahap persediaan dan pengoperasian *booth* pameran setiap pasukan.

6.8 Kriteria dan format pemarkahan adalah boleh dirujuk pada Jadual C.

No.	Kriteria	Aspek Penilaian	Jumlah Markah
1.	Ringkasan Projek	<ul style="list-style-type: none"> · Mudah difahami · Konsep yang jelas · Kesesuaian projek yang dilaksanakan mengikut keadaan dan keperluan semasa 	4.0
2.	Penyataan Masalah	<ul style="list-style-type: none"> · Perkaitan yang jelas di antara pernyataan masalah dan tawaran penyelesaian masalah melalui pelaksanaan projek yang dibentangkan. 	5.0
3.	Carta Alir Pelaksanaan Projek	<ul style="list-style-type: none"> · Menunjukkan aliran yang jelas dan mudah difahami · Mempunyai aliran arahan yang melibatkan kesemua peringkat kakitangan bagi setiap proses pelaksanaan. · Mengambil kira faktor risiko yang memungkinkan pelaksanaan terkandas di mana-mana peringkat aktiviti dan perlu diulang semula. 	7.0
4.	Kaedah Pembangunan Projek	<ul style="list-style-type: none"> · Sesuai dengan keadaan semasa dan tatacara pengoperasian jabatan · Sumber pembangunan projek yang realistik contohnya sumber kewangan. · Kaedah pembangunan yang efektif dan strategik. 	8.0
5.	Strategi Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> · Strategi pelaksanaan yang tersusun dan menyeluruh · Memaksimumkan penggunaan sumber yang diperuntukkan bagi pelaksanaan projek · Kaedah pelaksanaan yang realistik dan memberi impak positif tertinggi. 	10.0
6.	Implikasi Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> · Mengambil kira faktor kos yang terlibat · Menonjolkan elemen penjimatan kos 	6.0
7.	Elemen Digitalisasi/Teknologi Digital	<ul style="list-style-type: none"> · Menerapkan penggunaan teknologi digital atau proses pendigitalan dalam produk. 	10.0

8.	Penerapan Budaya Norma Baharu	<ul style="list-style-type: none"> Menonjolkan kesesuaian dan impak positif projek untuk dilaksanakan dalam budaya norma baharu. 	10.0
9.	Impak Positif Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> Penekanan kepada penghasilan produk yang dicadangkan dari segi kemampuannya memberikan impak positif pelaksanaan kepada Jabatan khususnya, dan masyarakat amnya. 	7.0
10.	Data/Statistik Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> Bukti-bukti sokongan, data-data yang diperolehi bagi menyokong impak positif dari pelaksanaan projek serta sumber rujukan yang terlibat. 	7.0
11.	Cadangan Penambahbaikan	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan untuk menambahbaik projek pada masa akan datang dan strategi untuk mengembangkan lagi projek yang dipertandingkan agar menghasilkan impak yang lebih berkesan. 	5.0
12.	Kelancaran Pembentangan	<ul style="list-style-type: none"> Elemen interaksi bersama panel hakim Ketersediaan slaid dan kerjasama ahli pasukan Penggunaan masa yang tepat Kaedah pembentangan yang dinamik dan berkesan 	10.0
13.	Elemen Kreativiti	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan kaedah pembentangan yang kreatif dan menarik Penyediaan slaid yang bermutu dan kreatif 	7.0
14.	Penutup	<ul style="list-style-type: none"> Mengakhiri pembentangan secara berkesan Rumusan keseluruhan projek yang mudah difahami dan menyeluruh 	4.0
JUMLAH KESELURUHAN			100.0
MARKAH KHAS PENJURIAN			
15.	Markah Khas Pameran	<ul style="list-style-type: none"> Interaksi ahli pasukan bersama pengunjung Bahan pameran dalam keadaan tersusun dan strategik Suasana <i>booth</i> yang menarik dan dihias dengan kreatif 	20.0

Jadual C - Kriteria dan Format Pemarkahan

7. HADIAH PERTANDINGAN

7.1 Pemenang Anugerah akan diumumkan di Majlis Anugerah KIK 2020 Jabatan Penerangan Malaysia.

7.2 Hadiah yang ditawarkan bagi setiap kategori adalah seperti Jadual D.

No.	Kategori	Tempat Pertama	Tempat Kedua	Tempat Ketiga	Catatan
1	Inovasi Baharu Terbaik	• Wang Tunai RM3,000.00 bagi setiap kategori • Trofi • Sijil	• Wang Tunai RM1,500.00 bagi setiap kategori • Sijil	• Wang Tunai RM500.00 bagi setiap kategori • Sijil	Trofi kemenangan hanya diberikan kepada pemenang tempat pertama sahaja.
2	Penambahbaikan Inovasi Terbaik				
3	Pembentangan Terbaik				
4	Transformasi Norma Baharu Terbaik				
5	Teknologi Digital Terbaik				
6	Anugerah Khas Ketua Pengarah	• Wang Tunai RM5,000.00 bagi setiap kategori • Trofi • Sijil			Hadiah kemenangan hanya diberikan kepada satu pemenang sahaja.
7	Anugerah Utama KIK 2020				

Jadual D - Hadiah Kemenangan

8. MAKLUMAT LANJUT

8.1 Untuk sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan urus setia pertandingan di **Cawangan Peningkatan Kualiti dan Inovasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik** melalui pegawai hubungan yang berikut:

a) Puan Siti Rahmah Maimunah Ibrahim

E-mel : rahmah@inform.gov.my

No. Telefon : 03-8911 3590

b) Encik Mohd Syazwan Mohd Yusof

E-mel : syazwan@inform.gov.my

No. Telefon : 03-8911 5280